

# The Observer

**01.10.2021**

*Surat berita mingguan, The Observer kini tersedia dalam Bahasa Melayu. Versi terjemahan akan dimuat naik pada setiap hari Isnin. Sila layari [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my) untuk maklumat lanjut.*

*Ikuti juga akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia dan kongsikan pendapat anda tentang ciapan kami dari semasa ke semasa.*

## ❖ Kos fungsi audit dalaman yang terlalu rendah amat membimbangkan

Sejak beberapa tahun lepas, MSWG telah mengajukan soalan dalam mesyuarat agung tahunan mengenai kos fungsi audit dalaman untuk syarikat awam tersenarai yang terlalu rendah. MSWG menganggap kos di bawah RM24,000 setahun sebagai sangat rendah.

Pada tahun lalu, beberapa syarikat awam tersenarai yang disoal menyatakan bahawa kos audit dalaman yang rendah adalah disebabkan oleh kerja audit yang kurang atau tidak dilaksanakan sepanjang tahun disebabkan perintah kawalan pergerakan yang dibuat bagi mengekang penularan wabak COVID-19.

Sementara itu, sebahagian besar syarikat awam tersenarai lain menyatakan yang mereka merasakan bahawa kos tersebut wajar dan skop yang diliputi oleh fungsi audit dalaman sudah memadai bagi memastikan rangkuman dan keberkesanan sistem kawalan dalaman.

Beberapa sebab lain yang diberikan untuk kos audit dalaman yang rendah termasuklah:

- Pihak pengurusan dan Ketua Pegawai Eksekutif turut mengambil langkah yang diperlukan bagi memastikan pematuhan terhadap prosedur kawalan dalaman.
- Jawatankuasa Audit mendapat jaminan daripada pihak pengurusan bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman adalah mencukupi dan berkesan.
- Pengurangan itu disebabkan oleh langkah pemotongan kos pada saat-saat sukar.

## Alasan tidak munasabah di sebalik kos yang rendah

Syarikat awam tersenarai berkenaan memberikan alasan yang tidak munasabah terhadap kos yang rendah untuk fungsi audit dalaman mereka.

Salah satu alasan yang diberikan adalah pihak pengurusan dan Ketua Pegawai Eksekutif syarikat turut mengambil langkah yang diperlukan bagi memastikan pematuhan terhadap prosedur kawalan dalaman. Sebuah syarikat lain pula

menyatakan bahawa pihak pengurusan memberikan jaminan kepada Jawatankuasa Audit bahawa pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman sudah mencukupi dan berkesan.

Dalam kedua-dua situasi ini, Jawatankuasa Audit bergantung kepada jaminan yang diberikan oleh pihak pengurusan walhal pihak pengurusan yang sepatutnya mendapatkan jaminan itu daripada seseorang yang bebas daripada pengurusan. Ini adalah kerana hanya fungsi audit dalaman yang bebas, yang diposisikan dengan betul, dapat memberikan jaminan yang tidak berkecuali.

Audit dalaman yang sepatutnya memberikan jaminan kepada pengurusan. Meminta pihak pengurusan memberikan jaminan sendiri adalah tidak masuk akal kerana ini adalah konflik kepentingan yang jelas.

Satu lagi alasan yang biasa diberikan untuk kos audit dalaman yang rendah ialah pelaksanaan pengurangan kos pada saat-saat sukar. Fungsi audit dalaman tidak boleh hanya dianggap sebagai sebuah 'pusat kos' yang boleh dikurangkan pada bila-bila masa. Malah, saat-saat sukar seperti inilah yang memerlukan fungsi audit dalaman yang mantap. Nampaknya sesetengah syarikat hanya mengekalkan fungsi audit dalaman bagi memenuhi syarat penyenaraian.

### **Hasil kajian penilaian Kad Skor Tadbir Urus Korporat MSWG-ASEAN 2020**

Hasil kajian penilaian Kad Skor Tadbir Urus Korporat MSWG-ASEAN 2020 mendedahkan bahawa 158 syarikat awam tersenarai membelanjakan kos audit dalaman yang amat rendah iaitu RM24,000 setahun (atau bersamaan RM2,000 sebulan) atau kurang. Kos fungsi audit dalaman paling rendah adalah RM1,752 setahun (2019: RM1,488).

Lima syarikat awam tersenarai paling bawah dengan kos audit dalaman sebanyak RM6,000 setahun atau kurang adalah seperti berikut:-

No	Syarikat	Kos Audit Dalaman (RM)	Pendapatan (RM)	Untung/(Rugi) Bersih (RM)
1	Inch Kenneth Kajang Rubber Public Ltd Co. *	1,752	14,214,000	(6,910,000)
2	SMTrack Berhad	4,000	1,698,113	(1,773,606)
3	Kuchai Development Bhd *	5,500	6,880,079	2,240,930
4	Top Builders Capital Berhad *	6,000	199,536,000	(159,546,000)
5	Inix Technologies Holdings Berhad	6,000	8,049,105	(3,359,542)

\* Syarikat awam tersenarai bukan di bawah pengawasan MSWG

Kelima-lima syarikat awam tersenarai di atas menggunakan sumber luar untuk melaksanakan fungsi audit dalaman mereka.

Hasil kajian penilaian kad skor MSWG-ASEAN menunjukkan bahawa daripada 158 syarikat awam tersenarai dengan kos audit dalaman kurang RM24,000 setahun, 154 daripadanya bergantung kepada penyedia perkhidmatan sumber luar untuk melaksanakan fungsi audit dalaman mereka.

Kos audit dalaman sebanyak RM1,752 setahun untuk syarikat awam tersenarai yang mempunyai pendapatan melebihi RM10 juta dan RM6,000 untuk syarikat awam tersenarai dengan pendapatan kira-kira RM200 juta sudah pasti menimbulkan kebimbangan berkaitan rangkuman skop kerja dan keberkesanan fungsi audit dalamannya. Disebabkan itu, 158 syarikat awam tersenarai yang mempunyai kos audit dalaman sebanyak RM24,000 setahun atau kurang juga perlu diberikan perhatian khusus.

### **Peranan dan fungsi audit dalaman**

Fungsi audit dalaman dianggap sebagai satu daripada empat asas tadbir urus korporat yang baik; tiga yang lain adalah lembaga pengarah, pihak pengurusan dan audit luar. Audit dalaman dianggap cukup penting sehingga diberikan mandat oleh syarat penyenaraian.

Bab 15, Para 15.27 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama (MMLR) memerlukan penerbit tersenarai menetapkan fungsi audit dalaman yang melaporkan terus kepada jawatankuasa audit. Rancangan dan rangkuman fungsi audit dalaman ditentukan oleh jawatankuasa audit sesebuah syarikat awam tersenarai. Oleh yang demikian, peranan, fungsi dan rangkuman fungsi audit dalaman adalah berbeza dalam kalangan syarikat awam tersenarai.

Audit dalaman memberikan jaminan bebas kepada lembaga pengarah melalui jawatankuasa audit, bahawa semuanya yang berkaitan pengurusan risiko, proses kawalan dan struktur tadbir urus serta proses organisasi berfungsi dengan baik. Organisasi perniagaan terdedah kepada pelbagai jenis penipuan dan kesalahan. Oleh itu, fungsi audit dalaman yang berkesan amat penting untuk melindungi kepentingan pemegang saham dan pihak berkepentingan yang lain.

### **Audit dalaman - fungsi yang tidak dikawal selia**

Juruaudit luar syarikat awam tersenarai dikawal selia oleh Lembaga Pemantauan Audit (AOB) dan Institut Akauntan Malaysia serta diletakkan di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Sekuriti. Walau bagaimanapun, juruaudit dalaman tidak dikawal selia.

Walaupun terdapat Institut Juruaudit Dalaman Malaysia tetapi juruaudit dalaman atau ketua fungsi audit dalaman tidak diwajibkan untuk menjadi ahli Institut tersebut.

Fungsi audit dalaman yang tidak dikawal selia mungkin menjadi alasan di sebalik kos fungsi audit dalaman yang rendah. Sekiranya hal-hal lain tidak berubah, semakin rendah kosnya maka semakin rendah kualiti, kecekapan dan keberkesanannya. Sesuatu perkara yang tidak dikawal selia cenderung menjadi kucar kacir. Profesional yang penting memerlukan kawal selia kerana peraturan akan memastikan kualiti dan akauntabiliti yang lebih tinggi.

Kita perlu menyedari kepentingan audit dalaman dan menjadikannya mandatori bagi syarikat tersenarai. Sekiranya fungsi audit dalaman cukup penting sehingga diletakkan sebagai syarat wajib di bawah keperluan penyenaraian, sudah tentu ia cukup penting untuk dikawal selia, sama seperti profesion lain yang berwibawa.

**Devanesan Evanson**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**

---

**Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 4 hingga 8 Oktober 2021**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

<b>Tarikh dan Masa</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Tinjauan Ringkas</b>
04.10.21 (Isnin) 08.00 pagi	Ageson Bhd (AGM)	Kumpulan mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM31.71 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding keuntungan sebelum cukai berjumlah RM41.10 juta, sebahagian besarnya disebabkan oleh kos jualan yang lebih tinggi. Peningkatan tersebut seiring dengan pertumbuhan pendapatan yang disumbangkan oleh segmen pembinaan.
07.10.21 (Khamis) 10.00 pagi	Bermaz Auto Bhd (AGM)	Pendapatan Bermaz meningkat 30% tahun ke tahun kepada RM2.29 bilion (2020: RM1.76 bilion) terutamanya disebabkan oleh jumlah jualan kenderaan yang lebih tinggi daripada operasi domestik. Peningkatan ini didorong oleh pakej rangsangan ekonomi di bawah Penjana dan kempen promosi yang agresif yang diperkenalkan oleh Kumpulan.  Walau bagaimanapun, prestasinya sedikit terjejas berikutan jumlah jualan kenderaan yang lebih rendah daripada operasi di Filipina.  Sungguhpun begitu, keuntungan sebelum cukainya meningkat 28% kepada

		RM168.9 juta (2020: RM132.0 juta). Pandemik COVID-19 yang masih belum berakhir memberikan cabaran dan boleh mempengaruhi prestasi keseluruhan Kumpulan pada tahun kewangan 2022.
07.10.21 (Khamis) 11.00 pagi	Analabs Resources Bhd (AGM)	<p>Analabs hampir mencatatkan prestasi kewangan tahun ke tahun yang lebih baik dengan peningkatan pendapatan 6% dan keuntungan bersih melonjak 125%.</p> <p>Peningkatan prestasi ini disebabkan oleh jualan yang lebih tinggi daripada segmen pembuatan, formulasi dan jualan resin serta bahan kimia dan bahan binaan. Ia juga didorong oleh peningkatan kecekapan segmen pembuatan, rasionalisasi dan penjimatan overhead operasi.</p>

**Perkara penting untuk diketengahkan:**

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diketengahkan
Ageson Bhd (AGM)	<p>Jumlah bayaran untuk fungsi audit dalaman Syarikat yang disumber luar pada tahun kewangan 2021 adalah RM10,841.97 (Halaman 44, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>Melihat yurannya yang rendah (RM903.50 sebulan), bagaimanakah jawatankuasa audit meyakinkan diri mereka bahawa liputan sudah mencukupi serta keberkesanan fungsi audit? Apakah bidang yang dirangkumi oleh fungsi audit dalaman? Berapakah jumlah laporan audit dalaman yang dikeluarkan dalam tempoh tersebut?</p>
Bermaz Auto Bhd (AGM)	Bermaz mencatatkan peningkatan 43.2% dalam pendapatan kepada RM2.12 bilion (2020: RM1.48 bilion) sebahagian besarnya disebabkan oleh jumlah jualan yang lebih tinggi untuk operasi domestik berikutan kesan positif daripada pengecualian cukai jualan yang diperkenalkan oleh Kerajaan untuk kenderaan yang dipasang tempatan (CKD) dan model import sepenuhnya (CBU) (halaman 18, Laporan Tahunan 2021).

	<p>Pengecualian cukai jualan sehingga 31 Disember 2021 akan berakhir. Apakah pemangkin utama untuk mendorong jualan kereta Kumpulan bagi tahun kewangan 2022 dan seterusnya?</p>
Analabs Resources Bhd (AGM)	<p>Jumlah pinjaman dan peminjaman Analabs meningkat 45% kepada RM70.96 juta daripada RM48.98 juta setahun yang lalu (halaman 53, Penyata Kedudukan Kewangan, Laporan Tahunan 2021). Peningkatan ini disebabkan oleh kenaikan dagangan margin dan pinjaman mata wang asing dalam pesisir.</p> <p>Perlukah Analabs mencairkan sebahagian daripada pelaburan disebut harga bagi mengurangkan jumlah pinjaman dan peminjamannya?</p> <p>(Nota: "Pelaburan Lain" yang sebahagian besarnya terdiri daripada pelaburan disebut harga meningkat kepada RM154.97 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding RM103.01 juta pada tahun sebelumnya).</p>

## PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))  
 Linnert Hoo, Ketua, Penyelidikan & Pembangunan, ([linnert.hoo@mswg.org.my](mailto:linnert.hoo@mswg.org.my))  
 Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))  
 Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))  
 Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))  
 Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))  
 Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ranjit.singh@mswg.org.my](mailto:ranjit.singh@mswg.org.my))  
 Rita Foo, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))  
 Nor Khalidah Mohd Khalil, Eksekutif, Pemantauan Korporat, ([khalidah@mswg.org.my](mailto:khalidah@mswg.org.my))

## PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

## PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang

*terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*